

SH 11/11/2021 ms: 36

3 kapal ditahan berlabuh secara haram

Nakhoda vesel terbabit gagal kemuka sebarang kebenaran bersauh daripada Pengarah Laut Malaysia

Oleh NOR AZURA MD AMIN


JOHOR BAHRU

Tiga kapal yang bersauh secara haram di perairan Johor Timur di sini ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Johor pada Selasa.

Pengarahnya, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, tindakan itu dilakukan selepas nakhoda kapal terbabit gagal mengemukakan sebarang kebenaran bersauh daripada Pengarah Jabatan Laut Malaysia.

“Pada sekitar jam 10.30 pagi, sebuah bot tunda bersama sebuah tongkang yang berdaftar di Kuching, Sarawak ditahan pada kedudukan 11 batu nautika timur Tanjung Penawar.

“Bot tunda itu dikendalikan sembilan kru termasuk nakhoda berumur lingkungan 27 hingga 45 tahun terdiri daripada warga



Maritim Malaysia menahan vesel yang berlabuh secara haram di perairan Johor Timur pada Selasa.

Indonesia dan didapati gagal mengemukakan sebarang dokumen pemakluman ketibaan,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut Nurul Hizam, penahanan seterusnya dilakukan oleh kapal ronda Maritim Malaysia terhadap sebuah kapal tangki yang berdaftar di Malabo kira-kira jam 2.25 petang pada kedudukan 12.5 batu nautika Timur Laut Tanjung Siang.

Katanya, kapal terbabit dikendalikan lapan kru termasuk nakhoda, berusia antara 22 hingga 54 tahun terdiri daripada

warga Indonesia.

“Kes disiasat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Seksyen 491B(1)(L) yang mana sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali.

“Bagi kesalahan gagal melaporkan ketibaan kepada Pengarah Laut Malaysia di bawah Seksyen 449 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 boleh didenda tidak melebihi RM5,000 jika sabit kesalahan,” katanya.